



PROTON

Siaran Akhbar

PASUKAN PROTON R3 LAKAR DUA KEMENANGAN DI SIRI KEJUARAAN MALAYSIA

- Usaha keras oleh Pasukan Iriz PROTON R3 memperlihatkan pemandu mengungguli kejuaraan MCS
- Proton Saga 2019 mendapat podium ketika membuat kemunculan pertama
- Pelancaran Peraduan rekaan *Design For Speed* bagi perlumbaan Sepang 1000KM

Subang Jaya, 27 Ogos 2019 - Pasukan PROTON R3 (R3) dan Proton Iriz 2019 menguasai Pusingan 4 Siri Kejuaraan Malaysia 2019 (MCS) dengan meraih dua kemenangan, sekaligus menjadikan pemandu-pemandu pasukan, Fariqe Hairuman dan Syafiq Ali sebagai pemenang keseluruhan bagi kelas M-pengeluaran.

Pada masa yang sama, Proton Saga 2019 turut berlumba buat kali pertama yang dipandu oleh Admi Shahrul yang membuat kemunculan semula. Selepas layak pada tapak perlumbaan yang ketujuh, jentera baharu itu berjaya menduduki tempat keempat dalam perlumbaan pertamanya sebelum berjaya mendapat podium di tempat ketiga dalam perlumbaan kedua pada hari Ahad.

Pasukan PROTON R3 sasar kemenangan MCS dan Sepang 1000km pada bulan November

Selepas memenangi perlumbaan selama satu jam pada Pusingan 4 MCS di Litar Antarabangsa Sepang (SIC), Pasukan PROTON R3 kini mendahului kedua-dua kategori pemandu dan pasukan dalam kejuaraan bagi kelas M-Pengeluaran. Dengan hanya satu pusingan lagi dalam siri 2019 ini, pasukan itu yakin mampu mengekalkan kedua-dua gelaran.

Dalam perlumbaan pertama, Suprima S dan Iriz milik pasukan PROTON R3 memulakan perlumbaan di barisan hadapan dan telah bekerjasama mengekalkan kedudukan tersebut. Pengendalian hebat dan sokongan pit yang padu berjaya membawa kedua-dua kereta tersebut menamatkan saingan di kedudukan 1 dan 2 di mana Iriz peroleh tempat pertama. Sementara itu pula, Saga pula menduduki tempat keempat dan membuktikan bahawa model tersebut turut dilengkapi kelajuan dan pengendalian sama hebat untuk muncul dan memberi cabaran di perlumbaan itu.

Bagi perlumbaan kedua, Iriz kekal sebagai kereta terpantas dan telah meraih kemenangan kedua pada hujung minggu lalu. Saga kemudian memperbaiki prestasinya dengan melebihi satu mata yang membolehkannya menduduki tempat ketiga sekaligus mendapatkan kedudukan podium untuk perlumbaan pertamanya itu.

"Pusingan keempat perlumbaan MCS sangat mencabar kerana kami mahu mencapai mata tertinggi dan pada masa yang sama berusaha untuk meningkatkan keupayaan kereta lumba Iriz dan Saga 2019. Kedua-dua kereta mempamerkan kehebatan masing-masing, terima kasih kepada kualiti prestasi kereta-kereta jalan raya, dan kami akan menggunakannya untuk perlumbaan Sepang 1000KM (S1K) edisi 2019. Bagi MCS pula, tinggal satu lagi pusingan dan kami yakin dapat mencapai sasaran dan mengekalkan kedua-dua gelaran juara," kata Gary Lee, Ketua Pasukan PROTON R3.

R3 mempelawa pereka Malaysia yang berbakat untuk menyertai pasukannya di S1K

Melalui Pencarian Pelumba Wanita dan Program Mentor yang diumumkan untuk mengendalikan kereta-kereta Proton di dalam siri Malaysia Speed Festival (MSF), Pasukan PROTON R3 telah melancarkan satu peraduan yang membolehkan para peserta menyertai pasukan tersebut dan turut berpeluang melihat sendiri rekaan mereka diletakkan pada kereta lumba PROTON.

Peraduan *Design For Speed* menjemput semua rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas menghantar rekaan paling kreatif mereka untuk diletakkan pada kereta lumba Proton Saga yang akan dikendalikan oleh R3 dalam perlumbaan S1K bermula dari 22-24 November. Hadiah wang tunai akan diberikan kepada tiga pereka terbaik serta jemputan VIP untuk menghadiri perlumbaan tersebut. Pemenang hadiah utama akan menyaksikan rekaan mereka dihiaskan pada salah satu daripada dua Proton Saga R3 yang menyertai perlumbaan itu, dan ini memastikan rekaan mereka dilihat oleh ribuan peminat perlumbaan Malaysia.



M/s 2 Dari 2

PASUKAN PROTON R3 LAKAR DUA KEMENANGAN DI SIRI KEJUARAAN MALAYSIA

"Ini merupakan kali pertama R3 menjemput orang ramai menghantar satu rekaan untuk salah sebuah kereta lumba kami. Kami ingin para pemenang peraduan merasai sendiri pengalaman menjadi sebahagian daripada pasukan yang paling berjaya dalam S1K di mana rekaan mereka akan dibawa mengelilingi litar. Pemenang Pencarian Pelumba Wanita juga akan bersaing pada acara yang sama bersama pemandu sedia ada kami, jadi pasukan R3 sangat menantikan acara ini di mana kami mengharapkan kemenangan kelima dan ketiga berturut-turut," tambah Gary Lee.

Butiran lanjut mengenai peraduan dan bagi mendapatkan templat rekaan, sila layari:

<https://www.proton.com/en/promotions/design-for-speed-contest-2019>

- Tamat -

Mengenai PROTON

PROTON Holdings Berhad adalah 50.1% milik DRB-HICOM Berhad dan 49.9% oleh Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. Ditubuhkan pada tahun 1983, ia adalah satu-satunya pengeluar kereta OEM sepenuhnya yang lengkap dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Asia Tenggara dan telah ditubuhkan dengan tiga objektif dasar kebangsaan utama, iaitu untuk menerajui pembangunan industri pembuatan komponen, untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran teknologi dan perindustrian dalam industri pembuatan otomotif dan untuk mengukuhkan daya saing antarabangsa dalam keupayaan industri Malaysia.

1985 menandakan satu tahun yang hebat dalam sejarah Malaysia apabila kereta nasional pertama negara, Proton Saga, dilancarkan untuk rakyat. Sejak itu, ianya menawarkan ciri yang termasuk kenderaan keluarga empat pintu yang serba boleh dan boleh dipercayai seperti Saga dan Persona, kereta eksekutif bergaya seperti Prevé, eksekutif elegan D-segmen Perdana serta kenderaan pelbagai guna yang luas dan berpatutan seperti Exora dan Ertiga. Terdapat juga Suprima S yang *sporty* anggun yang penuh dengan prestasi dan Iriz yang berani dan bergaya daripada menekankan keselamatan dan merupakan kereta kebangsaan ASEAN 5-Bintang yang paling berpatutan.

PROTON adalah lebih daripada sekadar sebuah syarikat kereta sebagai permulaannya sebagai pemacu utama pembangunan negara telah melihat jenama mempercepatkan proses pembelajaran menerusi pemindahan teknologi dengan perkongsian strategik dan kerjasama teknikal. Tidak syak lagi bahawa ia telah membantu mengembangkan ekonomi Malaysia melalui kemajuan dan kejayaan dalam industri automobil.

Dengan mendengarkan keperluan pelanggan, kereta PROTON kini berada di landasan mencapai misi untuk masa depan, dengan PROTON ditetapkan untuk menjadi sebuah marque yang membina kereta berkualiti dan selamat dengan semangat dan jiwa; kereta yang menyeronokkan untuk pemanduan - dan keselesaan untuk dimiliki. Untuk maklumat lanjut, layari <http://www.proton.com>.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:

Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON

- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / faisalshah@proton.com
- Lim Ai Mee di hp: 012-698 9189 / tel: 03-8026 9670 / aimee@proton.com
- Julaiha Jamaldin di hp 011-2885 4300/ tel: 03-8026 9697 / julaiha@proton.com